

BULETIN INTEGRITI

KUMPULAN PENDIDIKAN YPJ TAHUN 2025

Terbitan:
Unit Integriti KPYPJ



Diterbitkan oleh:



Unit Integriti
Kumpulan Pendidikan YPJ
Aras 2, Blok B, KM 16,
Jalan Kulai-Kota Tinggi, 81900 Kota
Tinggi, Johor Darul Ta'zim.

Buletin KPYPJ tahun 2025 ini disediakan bertujuan meningkatkan kefahaman, kesedaran dan amalan integriti dalam kalangan seluruh warga KPYPJ.



Ibu Pejabat KPYPJ terletak di dalam kampus
Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor (KUYPJ)



ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI	iii
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KPYPJ	iv
KATA-KATA ALUAN KETUA PEGAWAI OPERASI KPYPJ	vi
TINTA KETUA PENGARANG	vii
SANTAI INTEGRITI	vii
INTEGRITI : KUNCI KEPERCAYAAN DAN KEBERHASILAN ORGANISASI	1
BERINTEGRITI DIANGGAP NAIF?	5
TOKSIK DI DALAM PEJABAT: MUSUH SENYAP PRESTASI ORGANISASI	7
PEMIMPIN BERINTEGRITI: TERAS TRANSFORMASI KYPJ MENUJU MASA DEPAN LESTARI	10
JOHOR SKILLS, KOTA TINGGI: LONJAKAN BAHARU PENDIDIKAN TVET NEGERI JOHOR	13
CABARAN PROFESIONALISME DAN INTEGRITI DALAM KALANGAN PENDIDIK	16
SAL AHLAKU DI TEMPAT KERJA	18
RINGKASAN LAPORAN KES TATATERTIB 2024	23
AKTIVITI UNIT INTEGRITI KPYPJ TAHUN 2024 / 2025	24
LAPORAN PROGRAM: SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT KPYPJ BAGI TAHUN 2024 DAN KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI	25
LAPORAN PROGRAM: KULIAH INTEGRITI 2025 - "PENDIDIK BERINTEGRITI, GENERASI BERKUALITI"	29
INTEGRITI DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL	33
GURINDAM PEMIMPIN	34
HATI INTEGRITI	35
INTEGRITI: JANJI PADA DIRI	37
PENGHARGAAN KEPADA PEMENANG	38
SALURAN MAKLUMAT ADUAN	40

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

TUAN MOHD FAHMI BIN SALAM
Ketua Pegawai Eksekutif

PENASIHAT

Tuan Shahrul Nizar bin Ahmad
Ketua Pegawai Operasi

KETUA EDITOR/PENGARANG

Pn. Norle binti Hj. Mohamed Kamsan
Pengurus Integriti dan Audit Dalaman (CeIO)

EDITOR

En. Firdaus bin Hj. Zainal Abidin
Encik Mohd Azhan Hani bin Ibrahim

PENYUMBANG KARYA

Cik Nur Marliana binti Mohamad
Cik Fatimah Nor Hayani binti Ismail
Puan Norazlina Mohsin @ Mohsen (CeIO)
Puan Zainatunsima binti Suid
Ustaz Abdul Halim bin Abdul Ghaffar
Puan Norhaida bin Ahmad
Puan Mariani Omar
Puan Hanom Rahmat

FOTOGRAFI & REKABENTUK

En. Ali Zulkarnain bin Abd Karim

SUMBANGAN KARYA

Unit Integriti amat mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertema integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama pembaca Buletin Integriti.

Hantarkan karya anda ke: integriti@kypj.edu.my



HAJI MOHD FAHMI BIN SALAM

Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pendidikan YPJ

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN PENDIDIKAN YPJ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam sejahtera, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita berpeluang menerbitkan buletin integriti edisi kali ini dengan tema Integriti, Kunci Kepercayaan.

Dalam setiap organisasi, termasuklah di KPYPJ, kepercayaan adalah tunjang kelangsungan operasi, reputasi, dan kejayaan. Kepercayaan tidak dibeli, ianya dibina melalui tingkah laku, keputusan yang adil, dan integriti yang konsisten. Tanpa integriti, hubungan antara pengurusan, staf, pelajar, dan pihak berkepentingan akan rapuh dan terdedah kepada pelbagai risiko salah laku.

Integriti bukan hanya soal tidak mencuri atau tidak menerima rasuah. Ia juga bermaksud menepati janji, bertanggungjawab terhadap amanah, dan berani menyatakan yang benar walaupun sukar. Sebagai peneraju organisasi pendidikan, kita bertanggungjawab mendidik bukan

sahaja melalui ilmu, tetapi juga melalui teladan nilai-nilai murni.

Saya menyeru semua warga KPYPJ untuk menjadikan nilai integriti sebagai panduan utama dalam setiap tindakan. Dengan komitmen bersama, kita bukan sahaja mampu mencapai transformasi organisasi yang diimpikan, malah dapat meletakkan KPYPJ sebagai peneraju dalam membina modal insan berkualiti tinggi demi masa depan negeri Johor dan negara. Hanya dengan integriti, kita dapat membina kepercayaan jangka panjang yang menjadi asas kukuh kejayaan berterusan.

**“Integriti dijaga,
maruah terpelihara,
Amanah dipikul,
kejayaan dicipta
bersama.”**

Sekian, terima kasih.

HAJI MOHD FAHMI BIN SALAM

Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pendidikan YPJ

KATA-KATA ALUAN KETUA PEGAWAI OPERASI KUMPULAN PENDIDIKAN YPJ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

"Jika kita ingin melihat masa depan yang hebat, ia mesti dibina hari ini dengan keberanian untuk berubah."

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam sejahtera,
Tahun 2025 menandakan satu fasa penting dalam perjalanan KPYPJ — fasa transformasi. Melalui **transformasi** ini, kita bertekad memperkukuh peranan sebagai peneraju pembangunan pendidikan yang berkualiti, berdaya saing dan berintegriti. Ini menjadikan satu aspirasi yang selari dengan misi kita untuk membentuk ekosistem pendidikan yang mampan, progresif dan berintegriti tinggi.

Dalam menghadapi cabaran abad ke-21, dunia pendidikan menuntut kita untuk sentiasa beradaptasi dengan perubahan, menggarap teknologi, serta memperkukuh nilai integriti sebagai teras pengurusan. Transformasi bukan sekadar perubahan pada struktur atau sistem, tetapi juga perubahan pada minda, sikap dan budaya kerja. Hanya dengan nilai ini, kita mampu melahirkan modal insan yang bukan sahaja cemerlang akademik, malah berakhlak mulia dan bertanggungjawab kepada masyarakat.

Mari kita melangkah dengan semangat baru, memastikan setiap usaha menjadi batu loncatan menuju kecemerlangan KPYPJ dan masa depan pendidikan Johor yang gemilang.

Akhir kata, tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buletin ini. Semoga ia menjadi sumber inspirasi, panduan, dan pencetus semangat untuk kita terus melangkah maju menuju kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.



SHAHRUL NIZAR BIN AHMAD

*Ketua Pegawai Operasi,
Kumpulan Pendidikan YPJ*

TINTA KETUA PENGARANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Integriti, alhamdulillah, edisi buletin integriti kali ini berjaya diterbitkan sebagai wadah perkongsian ilmu, pengalaman dan aspirasi warga KPYPJ dalam memperkukuh budaya kerja berintegriti.

Tema kita, "Integriti: Kunci Kepercayaan", bukan sekadar slogan. Ia adalah peringatan bahawa kepercayaan hanya hadir apabila kita berani berlaku jujur, bertindak telus dan menolak kompromi terhadap salah laku. Buletin ini menghimpunkan pelbagai inisiatif, kisah inspirasi dan mesej yang diharap dapat menyuntik kesedaran dan semangat dalam kalangan kita semua.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penyumbang artikel, idea, dan tenaga dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga buletin ini menjadi cerminan komitmen kita terhadap nilai-nilai integriti yang tulen dan lestari.

"Teruskan membaca, teruskan berintegriti."

Sekian.

NORLE BINTI MOHAMED KAMSAN (CeIO)

*Ketua Unit Integriti, Kumpulan Pendidikan YPJ
Ketua Pengarang*



SANTAI INTEGRITI

"ELAKKAN GANGGUAN SEKSUAL"



SANTAI INTEGRITI

"JUJUR DAN AMANAH, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

INTEGRITI DI TEMPAT KERJA





INTEGRITI: KUNCI KEPERCAYAAN DAN KEBERHASILAN ORGANISASI

Dalam sesebuah organisasi, khususnya sektor pendidikan, integriti bukan sekadar prinsip peribadi, tetapi menjadi nadi kepada pembentukan budaya kerja yang telus, bertanggungjawab dan dihormati. Kepercayaan pula adalah hasil yang lahir daripada amalan integriti yang konsisten. Tanpa integriti, kepercayaan akan musnah dan tanpa kepercayaan, tiada sistem, institusi atau individu mampu berfungsi dengan baik. Integriti menjadi teras utama dalam membina organisasi yang diyakini, dihormati dan berdaya saing.

Integriti merujuk kepada kejujuran, amanah dan keutuhan peribadi dalam menjalankan tanggungjawab. Seorang

pekerja yang berintegriti tidak akan menyalahgunakan kuasa, menyeleweng harta organisasi atau berkompromi dalam urusan berkepentingan.

Di KPYPJ, integriti bukan pilihan tetapi adalah tuntutan dalam setiap aspek pengurusan dan operasi. Dari pemimpin tertinggi hingga ke pelaksana, semua perlu mematuhi nilai ini demi menjaga kepercayaan awam dan rakan strategik.

Mengapa Integriti Penting?

Integriti penting kerana ia adalah asas kepada kepercayaan, kredibiliti dan kejayaan jangka panjang dalam mana-mana organisasi atau kehidupan peribadi. Integriti dapat membina kepercayaan kerana pekerja yang berintegriti sentiasa jujur dan boleh dipercayai. Ini mewujudkan keyakinan dalam kalangan rakan sekerja, pelanggan dan masyarakat.

Pekerja yang berintegriti dapat menghalang penyelewengan, rasuah, pecah amanah dan salah guna kuasa kerana tindakan diambil berdasarkan prinsip, bukan kepentingan peribadi. Organisasi atau individu yang berintegriti dilihat sebagai profesional, beretika dan bertanggungjawab dan ini akan meningkatkan imej dan penghormatan seterusnya meningkatkan prestasi.

Keputusan yang dibuat berasaskan integriti lebih adil, telus dan efisien. Ini dapat membantu organisasi mencapai matlamat dengan cara yang betul. Apabila integriti diamalkan bersama, wujud suasana kerja yang sihat, saling hormat dan bebas daripada tekanan negatif seterusnya mewujudkan budaya kerja positif. Pemimpin yang berintegriti menjadi contoh yang diikuti, mempengaruhi budaya organisasi secara menyeluruh.



Integriti sebagai Asas Kepercayaan



Kepercayaan terbina melalui pengulangan tindakan yang bersih dan telus. Sama ada dalam urusan pentadbiran, akademik, kewangan atau perkhidmatan pelanggan, masyarakat akan menilai sesebuah institusi berdasarkan konsistensi dalam menegakkan nilai integriti. Apabila keputusan dibuat secara adil, peruntukan diurus secara telus, dan tugas dilaksanakan dengan jujur, kepercayaan akan tumbuh secara semula jadi.

Dalam konteks pendidikan, integriti amat penting dalam memastikan kualiti dan kredibiliti institusi. Plagiarisme, pemalsuan dokumen, penyelewengan dana, serta layanan tidak adil terhadap pelajar atau staf adalah antara ancaman kepada kepercayaan awam terhadap sistem pendidikan. Oleh itu, pematuhan terhadap piawaian integriti perlu bermula daripada kepimpinan tertinggi dan diamalkan oleh semua warga kerja.

Cabaran dalam Memelihara Integriti

Mempertahankan integriti bukan sesuatu yang mudah. Terdapat pelbagai tekanan sama ada dalaman dan luaran yang boleh menghakis nilai tersebut. Antara cabaran utama ialah seperti konflik kepentingan dalam membuat keputusan, budaya diam dan takut menegur salah laku, kurangnya penguatkuasaan dalaman, ketidaktelusan dalam prosedur operasi dan normalisasi perbuatan salah seperti salah guna sumber organisasi

Jika integriti tidak dipelihara, kesannya bukan sahaja merosakkan reputasi organisasi, tetapi juga melemahkan moral dan semangat kerja staf.

Tanggungjawab dan Keberhasilan Organisasi

Di Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ), setiap warga kerja dari peringkat pengurusan hingga staf sokongan memegang peranan penting dalam menjaga integriti organisasi. Ini termasuklah dalam aspek pengurusan kewangan, pematuhan prosedur, pengendalian data, serta interaksi dengan pelanggan dan pelajar.

Amalan integriti yang konsisten akan membina kepercayaan antara rakan sekerja, pelajar, masyarakat dan pihak berkepentingan luar. Kepercayaan ini pula menjadi asas kepada keberhasilan jangka panjang organisasi kerana ia melahirkan persekitaran kerja yang sihat, efisien dan dihormati.

Marilah kita bersama-sama memperkukuh budaya integriti di tempat kerja. Jangan tunggu disuruh untuk buat yang betul. Buat yang betul, walaupun tiada siapa yang melihat.

Kesimpulan

Integriti bukan sekadar slogan atau poster di dinding, ia adalah prinsip hidup dan budaya organisasi. Ia menjadi kunci kepada pembentukan kepercayaan, yang seterusnya membawa kepada kestabilan, kemajuan dan penghormatan masyarakat.

Kesimpulannya, integriti adalah tunjang kepada kepercayaan. Tanpa integriti, kepercayaan hilang. Apabila kepercayaan hilang, organisasi terdedah kepada kegagalan. Oleh itu, mari kita bersama-sama menjadikan integriti sebagai budaya kerja dan pegangan dalam setiap tindakan.

**“Integriti dijunjung, Kepercayaan terteguh,
Amanah dipegang, Maruah terpelihara.”**

Oleh : **Norle binti Hj Mohamed Kamsan**

(Ce/O)

Unit Integriti & Audit Kumpulan Pendidikan YPJ,



BERINTEGRITI DIANGGAP NAIF?



Dalam dunia pekerjaan yang penuh tekanan, politik pejabat dan perlumbaan prestasi, memilih untuk bersikap jujur dan telus bukanlah satu keputusan yang mudah. Aneh tetapi benar, mereka yang berpegang teguh pada integriti sering kali dilabel sebagai “terlalu lurus” atau “naif”. Sedangkan merekalah sebenarnya penjaga sistem dan maruah organisasi dari dalam. Individu seperti ini biasanya tidak banyak bersuara, tidak mahir bermain politik pejabat, dan tidak gemar menonjolkan diri. Mereka tidak memilih jalan pintas, tidak memanipulasi angka semata-mata untuk kelihatan cemerlang, dan tidak tunduk kepada tekanan yang mencabar prinsip peribadi. Sebaliknya, mereka setia kepada proses, menghormati prosedur, dan mengutamakan amanah dalam setiap tindakan.

Malangnya, kerana sikap telus dan jujur itulah, mereka sering disalah anggap sebagai tidak fleksibel atau sukar bekerjasama. Ada juga yang menyindir, “kalau terlalu jujur, susah nak ke mana.” Integriti, yang sepatutnya menjadi nilai terpuji, kadangkala menjadi sebab seseorang itu diketepikan atau dinafikan peluang.



Hakikatnya, berintegriti bukanlah tanda kelemahan. Sebaliknya, ia mencerminkan keberanian luar biasa. Keberanian untuk tidak menipu walaupun tertekan, keberanian untuk menyatakan kebenaran walaupun berisiko, dan keberanian untuk bekerja dengan amanah walaupun tanpa pujian. Mereka sedar akan kewujudan jalan mudah, namun tetap memilih jalan yang benar walaupun sukar.



Malaysia sendiri telah menetapkan aspirasi tinggi dalam memperkukuh budaya integriti. Berdasarkan laporan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2024, negara kita berada di kedudukan ke-57 daripada 180 negara dan wilayah, dengan skor 50 mata. Visi negara adalah untuk berada dalam kelompok 25 negara teratas menjelang 2033. Impian ini tidak akan tercapai dengan slogan semata-mata, sebaliknya memerlukan komitmen menyeluruh di semua peringkat, termasuk setiap jabatan, unit dan individu yang menyumbang kepada tadbir urus harian.

Sebuah organisasi yang sihat tidak dibina atas populariti, tetapi dibina atas kejujuran orang-orang yang bekerja dalam diam, dengan penuh tanggungjawab. Mereka mungkin tidak disebut dalam mesyuarat, tidak terpampang di majalah atau media sosial, tetapi hasil kerja merekalah yang membina reputasi organisasi. Mereka mungkin tidak glamor, tetapi mereka tulen.

Sudah tiba masanya kita bertanya kembali, siapakah sebenarnya yang naif? Adakah mereka yang setia kepada prinsip dan kejujuran, atau mereka yang bijak memanipulasi demi kepentingan sendiri?

Berintegriti mungkin tidak menjadikan seseorang itu popular atau dihargai dengan segera. Namun dalam jangka masa panjang, merekalah yang akan kekal kerana nilai yang mereka pegang tidak berubah walau siapapun ketua, sistem atau zaman. Dan jika memilih untuk jujur itu dianggap naif, maka biarlah. Kerana integriti bukan untuk dipertontonkan. Ia untuk dijaga dengan senyap dan dalam diam.

Oleh: **Nur Marliana binti Mohamad**

*Pegawai Key Performance Indicator (KPI),
Kumpulan Pendidikan YPJ*

TOKSIK DI DALAM PEJABAT: MUSUH SENYAP PRESTASI ORGANISASI

Dalam sesebuah organisasi, kejayaan tidak hanya bergantung kepada strategi, kepakaran atau teknologi semata-mata, tetapi juga sangat dipengaruhi oleh persekitaran kerja yang sihat dan positif. Namun begitu, kewujudan unsur toksik di dalam pejabat sering kali menjadi 'musuh senyap' yang menggugat kestabilan, semangat dan prestasi warga kerja tanpa disedari. Istilah 'toksik' di tempat kerja merujuk kepada tingkah laku negatif yang berulang kali berlaku, mewujudkan tekanan emosi dan gangguan psikologi dalam kalangan pekerja. Persekitaran kerja toksik ialah suasana di mana nilai hormat, kepercayaan dan profesionalisme diabaikan.



Punca Budaya Toksik dan Kesannya



Ini mungkin berlaku dalam bentuk komunikasi yang kasar, amalan pilih kasih, gosip berlebihan, penindasan kuasa, budaya menyalahkan, atau sabotaj rakan sekerja. Lebih membimbangkan, budaya kerja toksik ini sering tidak dilaporkan kerana pekerja takut dibalas dendam atau tidak yakin isu mereka akan diambil tindakan. Kesan daripada persekitaran kerja toksik sangat luas. pekerja mungkin akan mengalami tekanan perasaan, motivasi yang merosot, kelesuan emosi, dan dalam kes yang lebih serius, boleh membawa kepada kemurungan serta burnout.

Dalam konteks organisasi pula, suasana kerja yang negatif menyebabkan penurunan produktiviti, peningkatan kadar keluar masuk staf (turnover), serta kerosakan terhadap reputasi syarikat. Apabila pekerja lebih banyak bimbang tentang konflik dalaman daripada menumpukan kepada tugas hakiki, maka keberkesanan organisasi akan terjejas secara langsung. Tanda-tanda wujudnya budaya toksik adalah gosip atau fitnah menjadi budaya harian, kepimpinan yang tidak terbuka kepada maklum balas, kurangnya semangat kerja berpasukan dan saling menyokong, rasa takut untuk bersuara atau memberi pendapat dan kecenderungan menyalahkan individu lain tanpa penyelesaian.

Langkah Pencegahan

Justeru, bagi menangani persekitaran toksik, semua pihak dalam organisasi perlu memainkan peranan. Sebagai contoh, pekerja perlu menetapkan sempadan profesional dengan jelas, elakkan daripada menyertai gosip atau konflik tidak perlu dan membina kekuatan mental dan emosi melalui sokongan rakan sekerja atau kaunseling. Bagi pihak pengurusan, perlu sediakan saluran aduan yang selamat dan sulit, mengambil tindakan terhadap kelakuan tidak beretika tanpa berat sebelah serta menggalakkan budaya kerja berasaskan nilai murni seperti hormat, amanah dan keterbukaan.

Namundi peringkat organisasi pula perlu melaksanakan latihan pembangunan sahsiah dan komunikasi berkesan secara berkala, mewujudkan dasar tempat kerja yang menyokong kesihatan mental dan kesejahteraan staf dan memastikan penilaian prestasi dilakukan secara adil dan telus.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, budaya kerja toksik adalah racun yang perlahan-lahan melemahkan kekuatan organisasi dari dalam. Ia boleh menjejaskan kesejahteraan pekerja, memusnahkan semangat pasukan dan akhirnya menggugat keberkesanan organisasi secara keseluruhan. Oleh itu, semua pihak harus bersatu dalam memerangi elemen toksik ini, agar suasana kerja yang harmoni, sihat dan produktif dapat dikekalkan demi kejayaan jangka panjang.

“Sebuah organisasi yang hebat bukan hanya tentang pencapaian, tetapi tentang bagaimana ia memperlakukan orang di dalamnya.”

Oleh : **Firdaus bin Hj Zainal Abidin**

Pegawai Integriti dan Audit Dalaman,
Kumpulan Pendidikan YPJ



PEMIMPIN BERINTEGRITI: TERAS TRANSFORMASI KYPJ MENUJU MASA DEPAN LESTARI



Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ) sedang melangkah ke fasa penting dalam sejarahnya iaitu proses penaiktarafan kepada **status kolej universiti**. KYPJ merupakan **institusi pendidikan swasta** milik penuh **Kerajaan Negeri Johor** yang telah beroperasi **sejak tahun 1996** dan telah menerima kelulusan penubuhan **Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor (KUYPJ)** di bawah peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Transformasi ini amat menuntut **komitmen menyeluruh terhadap integriti** terutama dalam semua **skop operasi, tadbir urus dan akauntabiliti**.

Usaha penaiktarafan ini akan direalisasikan pada Ogos 2025 di mana ia merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri Johor bagi melahirkan **modal insan yang berkualiti tinggi** selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat di Negeri Johor khususnya menerusi pelaksanaan **Johor-Singapore Special Economic Zone (JS SEZ)**.



Selaras dengan visi Kerajaan Negeri Johor untuk menjadikan KYPJ sebagai **institusi pendidikan unggul** menjelang 2026, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, termasuk menaiktarafan Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan (SHP), penambahbaikan fasiliti, peningkatan capaian internet dan peluasan program akademik ke peringkat **Asasi, Diploma dan Sarjana Muda**. Namun, semua ini perlu diperkukuh dengan **budaya integriti** sebagai teras perubahan.

Nilai seperti **amanah, akauntabiliti, bijaksana, dan kejujuran** perlu diterapkan secara konsisten dalam kalangan pensyarah, pelajar, dan pentadbir. Era transformasi



ini, integriti adalah sebagai nadi penaiktarafan di mana ia merupakan satu rangka kerja yang merangkumi tiga teras utama. **Integriti Akademik** merupakan teras utama yang meliputi enam domain seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan, khidmat masyarakat, dan pentadbiran. Selain itu, **tadbir urus dan pengurusan risiko** termasuk struktur kawalan dalaman, pemantauan keberkesanan dasar, dan pelaksanaan audit integriti. **Budaya kerja beretika** harus dibentuk melalui kepimpinan teladan, komunikasi nilai organisasi, dan pembudayaan tingkah laku berintegriti di semua peringkat.

Penguatan integriti melalui pendidikan dan penglibatan mahasiswa KYPJ dalam program pembangunan sahsiah adalah sebahagian daripada usaha memperkasa integriti di KYPJ. Antara program yang telah dijalankan ialah penyertaan lapan pelajar KYPJ yang merupakan Ahli Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR) bersama dua pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam **Kem AMAR Peringkat Negeri Johor 2025 di SIREH Park, Iskandar Puteri pada 17-18 Mei 2025**. Bertemakan "**Pemimpin Berintegriti, Masa Depan Lestari**", kem ini menghimpunkan hampir 60 peserta dari sembilan IPT seluruh Negeri Johor.





warga kampus bagi menuju kecemerlangan dan kelestarian. Di peringkat tadbir urus pula untuk memastikan transformasi penaiktarafan ini selari dengan prinsip integriti, beberapa cadangan strategik disarankan dengan memperkukuh peranan Unit Integriti sebagai **entiti bebas** di bawah Lembaga Pengarah Syarikat. Selain itu, latihan integriti dan tatakelola yang berstruktur dan wajib dihadiri oleh semua warga kolej. **Pelaksanaan audit integriti berkala** yang merangkumi proses akademik, kewangan, dan pentadbiran perlu dijalankan dan **pelaporan prestasi integriti secara telus** kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran selain menjalin kerjasama berterusan dengan SPRM, MQA, dan universiti rakan strategik untuk pemindahan amalan terbaik. Dengan sokongan padu Kerajaan Negeri, panduan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dan penglibatan aktif mahasiswa serta staf akademik, KYPJ mampu menjadi **kolej universiti rujukan terunggul** dari segi akademik, berwibawa dari segi tadbir urus, dan teguh dari segi integriti di Negeri Johor khususnya.

Oleh: **Norazlina binti Mohsin @ Mohsen**

(CeIO)

Pengurus Unit Governan dan Pengurusan Kualiti,
Kolej Yayasan Pelajaran Johor

Aktiviti seperti jungle tracking, explorace, berkayak, night walk, dan latihan survival skill, disertai taklimat anti rasuah oleh Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Negeri Johor, bukan sahaja menguji keupayaan fizikal dan mental, malah memupuk kesedaran anti rasuah dan nilai kepimpinan beretika di kalangan mahasiswa.

Penaiktarafan KYPJ kepada kolej universiti adalah satu transformasi menyeluruh yang memerlukan komitmen kolektif. Integriti bukan sekadar slogan, tetapi satu sistem nilai yang mesti dihidupkan dalam setiap polisi, prosedur, dan tindakan



JOHOR SKILLS, KOTA TINGGI: LONJAKAN BAHARU PENDIDIKAN TVET NEGERI JOHOR



Seiring dengan Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Kolej Kemahiran Johor (KKJ) juga sedang melalui fasa transformasi. Mengikut perancangan, Kolej Kemahiran Johor dijangka akan berpindah dari kampus asal di Ungku Mohsin, Johor Bahru ke kampus baharu Johor Skills, Kota Tinggi, Jalan Kulai–Kota Tinggi pada Mei 2026. Transformasi ini sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor melalui Kumpulan Pendidikan YPJ untuk memperkukuh pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET), sekali gus memperkasakan modal insan Negeri Johor.

Perpindahan ini bukan sahaja melibatkan perubahan lokasi, tetapi juga penstrukturan semula infrastruktur, fasiliti dan sistem pengurusan yang lebih berdaya saing. Johor Skills, Kota Tinggi dilengkapi makmal serta bengkel bertaraf industri, ruang pembelajaran moden dan kondusif, serta asrama yang selesa untuk pelajar. Ia diyakini bakal menjadi pusat rujukan TVET unggul di selatan tanah air.

Integriti sebagai Teras Transformasi

Transformasi KKJ ke Johor Skills, Kota Tinggi menuntut komitmen yang tinggi terhadap integriti, profesionalisme, dan akauntabiliti. Nilai ini perlu diterapkan dalam semua aspek pengurusan, pentadbiran dan pembelajaran agar setiap graduan yang dilahirkan bukan sahaja kompeten dari segi teknikal, tetapi juga beretika serta berdisiplin. Selaras dengan aspirasi KPYPJ, usaha ini menegaskan bahawa integriti adalah asas kelestarian institusi pendidikan. Amalan tadbir urus yang telus, kawalan dalaman yang berkesan, serta budaya kerja beretika akan menjadi tonggak kejayaan transformasi ini.





Menyokong Aspirasi Johor Maju

Transformasi KKJ di Johor Skills, Kota Tinggi diharapkan dapat memberi impak strategik untuk meluaskan akses TVET kepada belia Johor, menyediakan latihan yang sejajar dengan kehendak industri serta memperkasa modal insan sebagai pemacu utama pembangunan negeri.

Inisiatif ini selaras dengan visi Johor Maju dan usaha kerajaan negeri untuk menjadikan TVET sebagai platform utama melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, sejajar dengan agenda ekonomi negeri.





“Integriti Membentuk Kemahiran, Kemahiran Membina Masa Depan.”

Oleh: **Zainatunsima binti Suid**

*Pengurus Unit Pembangunan Bisnes,
Kolej Kemahiran Johor*

Penutup

Pihak KKJ merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor atas sokongan padu dalam menjayakan transformasi ini. Dukungan kerajaan negeri merupakan pemangkin utama ke arah menjadikan Johor Skills, Kota Tinggi sebagai pusat TVET unggul berintegriti, yang mampu melahirkan generasi Johor berkemahiran tinggi, berdaya tahan dan bersedia bersaing di peringkat global.

Ucapan Penghargaan

Transformasi KKJ ke Johor Skills, Kota Tinggi merupakan lonjakan penting dalam landskap pendidikan TVET negeri Johor. Dengan sokongan Kerajaan Negeri Johor, bimbingan KPYPJ serta komitmen warga kolej, Johor Skills, Kota Tinggi diyakini mampu menjadi pusat pendidikan teknikal dan vokasional terkemuka, yang bukan sahaja menekankan kecemerlangan akademik tetapi juga keluhuran integriti.



CABARAN PROFESIONALISME DAN INTEGRITI DALAM KALANGAN PENDIDIK



Integriti merupakan nilai asas yang wajib dimiliki oleh setiap pendidik kerana ia mencerminkan kejujuran, keadilan dan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas mendidik. Dalam konteks pendidikan masa kini yang semakin mencabar keteguhan integriti, pendidik bukan sahaja perlu menyampaikan ilmu dengan berkesan, malah harus berpegang teguh kepada prinsip etika yang tinggi agar kredibiliti institusi pendidikan kekal terpelihara.

Satu kajian telah dijalankan terhadap sekumpulan pensyarah di KYPJ bagi mengenal pasti tahap integriti dan cabaran utama yang mereka hadapi dalam menjalankan tugas sebagai pendidik. Hasil

kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pendidik mencatatkan tahap integriti yang tinggi. Mereka menunjukkan komitmen dalam merancang dan melaksanakan pengajaran secara adil, bertanggungjawab dan telus. Namun begitu, cabaran tetap wujud. Tekanan daripada pihak pengurusan institusi, konflik kepentingan dalam hubungan dengan pelajar, serta ketidakkonsistenan dasar dan garis panduan dalaman sering menjadi halangan kepada amalan integriti secara konsisten. Bagi mengatasi cabaran-cabaran ini, kajian mencadangkan beberapa langkah penting perlu dilaksanakan.

Pertama, pelaksanaan bengkel etika secara berkala untuk memperkukuh



kefahaman pendidik terhadap isu-isu etika yang kompleks dan meningkatkan daya tahan mereka apabila berdepan dengan dilema moral. Kedua, penyediaan kod etika pendidik yang menyeluruh dan mudah dirujuk sebagai garis panduan yang jelas dalam membuat keputusan profesional. Ketiga, pelaksanaan penilaian berterusan terhadap amalan etika melalui maklum balas pelajar, rakan sejawat dan pentadbiran. Akhir sekali, penghargaan kepada pendidik yang menunjukkan integriti tinggi perlu diberi perhatian bagi membentuk budaya kerja yang positif.

Kesimpulannya, meskipun integriti pendidik berada pada tahap yang membanggakan, usaha untuk mengekalkannya perlu digiatkan melalui pendekatan sistematik dan berterusan. Pelaksanaan cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini bukan sahaja mampu menyokong pendidik dalam menghadapi cabaran etika, tetapi juga mewujudkan persekitaran pendidikan yang lebih berakhlak, berkesan dan dihormati.

Oleh : **Abdul Halim bin Abdul Ghaffar**

*Pensyarah Pengajian Islam,
Kolej Yayasan Pelajaran Johor*

SAL AHLAKU DI TEMPAT KERJA

Takrif Salahlaku

Salahlaku bermaksud apa-apa tingkah laku tidak wajar yang dilakukan, kesalahan yang disengajakan atau pelanggaran peraturan secara sengaja. Salahlaku juga boleh ditakrifkan sebagai masalah disiplin yang melibatkan ketidakpatuhan terhadap peraturan dan prosedur syarikat. Ia boleh terdiri daripada kesalahan kecil seperti hadir lewat di tempat kerja, sehinggalah kepada kesalahan berat seperti kesalahan jenayah. Kebanyakan salah laku biasanya berlaku di tempat kerja, namun kadangkala terdapat kes tingkah laku yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan pekerjaan tetapi boleh dianggap sebagai salah laku oleh majikan, contohnya tingkah laku yang mencemarkan imej organisasi atau menyebabkan hilangnya kepercayaan dan keyakinan terhadap organisasi.

Apabila seseorang pekerja melakukan salahlaku, majikan perlu menentukan samada salahlaku tersebut adalah salahlaku ringan atau salahlaku berat. Kriteria yang diambil kira selalunya bergantung pada sifat kerja seseorang (*the nature of his work*), kekerapan berlakunya kes tersebut, dan juga keadaan di mana salah laku itu berlaku (*the circumstances under which the misconduct took place*). Tahap keseriusan sesuatu salahlaku itu turut bergantung kepada beberapa faktor seperti jenis industri, polisi syarikat, dan jenis pekerjaan. Tanggungjawab untuk membuktikan tuduhan atau kenyataan yang dibuat adalah terletak kepada majikan berdasarkan kepada kecenderungan atau kemungkinan sesuatu perkara itu sebenarnya berlaku (*the burden of proof on the balance of probabilities*).

Jenis-Jenis Salahlaku

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia menyenaraikan lapan jenis salahlaku yang dilakukan oleh pekerja.

1. Salahlaku Lampau

Merujuk kepada pekerja yang mempunyai rekod salahlaku lampau namun salahlaku terkini yang dilakukan adalah berbeza dengan yang lampau.

2. Salahlaku berkaitan dengan Tugas

Merujuk kepada salahlaku langsung seperti cuai dalam menjalankan tugas.

3. Salahlaku Berulang

Merujuk kepada pengulangan salahlaku yang sama.

4. Salahlaku Peribadi

Merujuk kepada salahlaku yang berkaitan dengan perbuatan tidak bermoral seperti kes khalwat.

5. Salahlaku Provokasi

Merujuk kepada salahlaku yang dicetuskan oleh pekerja sehingga menyebabkan suasana tidak harmoni di tempat kerja seperti pergaduhan

6. Salahlaku Jenayah

Merujuk kepada salahlaku yang berbentuk jenayah samada berlaku di tempat kerja atau di luar tempat kerja.

7. Salahlaku berkaitan Disiplin

Merujuk kepada tindakan yang melanggar tatacara disiplin di tempat kerja seperti ponteng kerja.

8. Salahlaku berkaitan Maruah

Merujuk kepada perlakuan tidak bermoral seperti gangguan seksual.



Tindakan Disiplin



Apabila pekerja melakukan salah laku, majikan perlu mengambil tindakan disiplin terhadap pekerja tersebut. Tindakan disiplin merujuk kepada tindakan yang diambil oleh majikan untuk membetulkan prestasi lemah pekerja atau tingkah laku pekerja yang melanggar dasar atau prosedur syarikat. Tindakan disiplin yang diambil bukannya bertujuan untuk menghukum pekerja tetapi untuk memperbaiki tingkah laku pekerja pada masa akan datang.

Tindakan disiplin yang diambil berdasarkan kepada peraturan dapur panas (*the hot stove rule*) dan tindakan disiplin progresif. Peraturan dapur panas ialah satu pendekatan disiplin dalam pengurusan yang menggunakan analogi menyentuh dapur panas untuk menggambarkan bagaimana disiplin harus dilaksanakan di tempat kerja. Ia menekankan bahawa disiplin perlu dikenakan secara segera, konsisten, tidak bersifat peribadi, dan disertai dengan amaran awal. Ini memastikan bahawa tindakan disiplin tertumpu kepada perbuatan, bukan individu, serta membolehkan pekerja memahami akibat daripada tindakan mereka.

Disiplin progresif ialah satu pendekatan berstruktur yang digunakan oleh majikan untuk menangani isu prestasi atau tingkah laku pekerja. Ia melibatkan beberapa langkah bermula dengan tindakan yang kurang tegas dan meningkat kepada tindakan yang lebih serius sekiranya tingkah laku pekerja tidak menunjukkan perubahan. Proses ini direka untuk memberi peluang kepada pekerja membetulkan tingkah laku mereka sambil memastikan layanan yang adil dan konsisten kepada semua pekerja. Tahap-tahap disiplin progresif yang diamalkan di tempat kerja adalah:

- Kaunseling atau amaran lisan;
- Amaran bertulis;
- Penggantungan atau penurunan pangkat; dan
- Penamatan perkhidmatan.

Tindakan di bawah Akta Kerja 1955

A kta Kerja 1955 tidak menyatakan secara khusus tentang jenis-jenis salahlaku yang dilakukan di tempat kerja. Namun begitu, seksyen 14(1) membolehkan majikan mengambil tindakan disiplin terhadap pekerja yang melakukan salahlaku yang bertentangan dengan pematuhan syarat-syarat perkhidmatan yang nyata atau tersirat, selepas siasatan yang sepatutnya dilakukan. 'Siasatan yang sepatutnya' di sini bermaksud majikan mesti menyiasat kes tersebut dan memberi peluang kepada pekerja untuk membela diri di hadapan panel bebas sebelum sebarang keputusan dibuat terhadapnya. Antara contoh salahlaku pekerja ialah cuai ketika menjalankan tugas, ponteng kerja, lewat hadir ke tempat kerja, mabuk di tempat kerja, mencuri wang syarikat, menyalahguna harta syarikat, dan sebagainya.

'Siasatan yang sepatutnya' yang dinyatakan di dalam seksyen 14(1) merujuk kepada proses yang dikenali sebagai 'siasatan domestik' (domestic inquiry). Seksyen 14(1) Akta Kerja 1955 menyatakan bahawa, seseorang majikan boleh, atas alasan-alasan salahlaku yang berlawanan dengan pematuhan syarat-syarat perkhidmatan yang nyata atau tersirat, selepas siasatan yang sepatutnya :-

- a. Memecat pekerja tanpa notis;
- b. Menurunkan pangkat pekerja; atau
- c. Mengenakan apa-apa hukuman ringan lain sebagaimana yang disifatkannya adil dan patut, dan jika hukuman penggantungan tanpa gaji dikenakan, ia tidak boleh melebihi suatu tempoh dua minggu.





Selain daripada itu, **Seksyen 13(2)** membenarkan mana-mana pihak untuk menamatkan kontrak perkhidmatan tanpa notis sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran yang disengajakan oleh pihak yang lain terhadap syarat-syarat kontrak perkhidmatan. **Seksyen 15(2)** membenarkan majikan untuk menamatkan perkhidmatan pekerja tanpa notis sekiranya pekerja tidak hadir bekerja lebih dari dua hari berturut-turut tanpa kebenaran majikan, tanpa alasan munasabah, tanpa memaklumkan majikan dan tanpa usaha untuk memaklumkan majikan kerana ianya dianggap sebagai suatu pelanggaran kontrak di bawah Akta Kerja 1955. Maka, ketidakhadiran boleh menyebabkan pekerja ditamatkan kontrak tanpa notis.

Oleh: **Fatimah Nor Hayani binti Ismail**


Pegawai Undang-Undang,
Kumpulan Pendidikan YPJ

RINGKASAN LAPORAN KES TATATERTIB 2024

Tahukah anda? Pada tahun 2024, Unit Integriti telah menerima 8 aduan daripada pelbagai sumber, sebahagiannya melibatkan keslahan tatakelakuan dan disalurkan ke Bahagian Sumber Manusia untuk tindakan tatatertib. 8 kes tatatertib pula telah dilaporkan dan diambil tindakan oleh Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia termasuk yang diterima melalui platform aduan Unit Integriti KPYPJ.



AKTIVITI UNIT INTEGRITI KPYPJ TAHUN 2024 / 2025



BIL	AKTIVITI	TARIKH	SASARAN
1	<p>Bulan Integriti Mengadakan aktiviti dan pertandingan-pertandingan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perkongsian Mutiara Kata Integriti ii. Penulisan artikel, puisi dan gurindam; iii. Menghasilkan poster/kapsul integriti; dan iv. Video Kreatif Integriti 	Oktober 2024	Semua warga kerja
2	Sambutan Hari Integriti Nasional 2024 di Peringkat KPYPJ serta Pelancaran Pelan Antirasuah (OACP) Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.	9 November 2024	Google Meet
3	Kuliah Integriti Siri 1/2025 'Pendidik Berintegriti, Generasi Berkualiti'	6 Mei 2025	Pensyarah KYPJ
4	Kapsul Integriti	Setiap bulan	Semua warga kerja
5	Perkongsian 1 Minggu 1 Hadis	Setiap Jumaat	Semua warga kerja
6	Penerbitan Buletin Integriti	Mei - Oktober 2025	Semua warga kerja
7	'Integrity Moment' Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah / Association of Certified Integrity Officer (ACeIO)	Jan - Jun 2025	Ketua UIKPYPJ/ Ketua UGPK
8	Taklimat Kesalahan Utama Mengikut Akta SPRM 2009 dan Liabiliti Korporat Seksyen 17A Anjuran SPRM dan HRDC sempena National Training Week	18 Jun 2025	Staf UIKPYPJ/ Pegawai UIADG KKJ
9	Taklimat Inisiatif Antirasuah Tahun 2025 Anjuran Bahagian Penyiasatan Tatakelola (BPT) SPRM (secara dalam talian)	25 Jun 2025	Staf BiAD dan wakil-wakil Bahagian/ Jabatan/Kolej
10	Kuliah Integriti Siri 2/2025	1 Ogos 2025	Tenaga Pengajar KKJ

LAPORAN PROGRAM

MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL & KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI PERINGKAT KPYPJ 2024

Tarikh : 5 November 2024

Tempat : Dewan Besar, Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ)

Masa : 8.30 pagi – 1.00 petang

Anjuran : Unit Integriti, Kumpulan Pendidikan YPJ

Pengenalan



Selaras dengan usaha berterusan dalam memperkukuh budaya integriti di semua peringkat pengurusan dan pelaksanaan tugas, Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ) telah menganjurkan **Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional dan Kursus Pengukuhan Integriti Peringkat KPYPJ bagi tahun 2024**. Program ini membawa tema selaras dengan tema Sambutan Hari Integriti Nasional iaitu **“Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi”** yang mencerminkan komitmen negara dan masyarakat secara amnya serta KPYPJ secara khususnya dalam membina organisasi yang berakauntabiliti, telus dan berwibawa.

Objektif Program



Program ini bertujuan untuk:

- Menanam dan memperkukuhkan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga kerja KPYPJ.
- Menyedarkan peserta tentang pentingnya integriti sebagai asas kepada kecemerlangan dan kepercayaan masyarakat.
- Memberikan pendedahan kepada pengurusan etika dan amanah melalui sudut pandang profesional dan spiritual.

Tentatif Program

MASA	AKTIVITI
8.30 pagi	Pendaftaran Peserta
9.00 pagi	Pembukaan oleh Pengerusi Majlis
9.05 pagi	Bacaan Doa oleh Ustaz Hj Asri bin Wahab
9.10 pagi	Ucapan Ketua Pegawai Eksekutif KPYPJ sempena Sambutan Hari Integriti Nasional
9.15 pagi	Sesi 1: Perkukuh Integriti, Tingkatkan Produktiviti Penceramah: En. Muhamad Khairul Aman Bin Baharum Penolong Pengarah, Pusat Pembangunan Integriti Insan & Budaya, Institut Integriti Malaysia (IIM)
10.30 pagi	Rehat dan Minum Pagi
11.00 pagi	Sesi 2: Integriti Cermin Ketaqwaan Penceramah: Ustaz Muhammad Rozi Bin Harun (PU Rozi), Pencetus Ummah 2016 / Selebriti Dakwah
12.15 tengah hari	Pengumuman Pemenang Pertandingan & Penyampaian Hadiah
12.30 tengah hari	Majlis Bersurai

Ringkasan Pengisian & Intipati Kuliah

Sesi 1 – Perkuukuh Integriti, Tingkatkan Produktiviti

Dalam sesi ini, **En. Muhamad Khairul Aman** menetengahkan kepentingan pengukuhan integriti sebagai pemangkin kepada peningkatan produktiviti kerja. Antara isu yang dibincangkan:

- Integriti sebagai nadi pengurusan berkualiti.
- Peranan individu dan organisasi dalam mencegah rasuah, salah guna kuasa dan kecuaiian.
- Amalan budaya kerja berintegriti yang menyumbang kepada prestasi organisasi yang mampan.



Sesi 2 – Integriti Cermin Ketaqwaan

Disampaikan oleh **Ustaz Muhammad Rozi Bin Harun (PU Rozi)**, sesi ini menyentuh aspek spiritual dan nilai agama dalam pembinaan integriti:

- Integriti bukan sekadar nilai moral, tetapi refleksi kepada ketaqwaan seseorang terhadap Allah SWT.
- Tanggungjawab sebagai amanah yang akan dipersoalkan di akhirat.
- Etika kerja dalam Islam dan contoh tauladan para anbiya dalam memegang amanah dan tanggungjawab.



Penghargaan & Penglibatan Peserta

Program ini disertai oleh lebih 150 orang warga kerja KPYPJ merangkumi pensyarah, staf pengurusan dan pentadbiran. Sambutan yang amat memberangsangkan membuktikan kesungguhan organisasi dalam menjadikan integriti sebagai budaya kerja. Majlis turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan esei dan poster sempena Hari Integriti.

Warna-Warni Program



Disediakan oleh : **Unit Integriti**

Kumpulan Pendidikan YPJ

LAPORAN PROGRAM

KULIAH INTEGRITI 2025 - "PENDIDIK BERINTEGRITI, GENERASI BERKUALITI"

Tarikh : 06 MEI 2025 | 08 OGOS 2025

Tempat : Dewan Kuliah 4, KYPJ | Dewan Besar, KKJ

Anjuran : Unit Integriti, Kumpulan Pendidikan YPJ

Penceramah : Ustaz Abdul Halim Bin Abdul Ghaffar, Pensyarah Pengajian Islam KYPJ

Pengenalan



Sebagai salah satu inisiatif untuk menyemarakkan budaya integriti dalam kalangan pendidik, Kumpulan Pendidikan YPJ melalui Unit Integriti telah menganjurkan **Program Kuliah Integriti 2025 bertajuk: "PENDIDIK BERINTEGRITI, GENERASI BERKUALITI"**

Kuliah ini menampilkan **Ustaz Abdul Halim bin Abdul Ghaffar**, seorang tokoh pendidikan dan pensyarah berpengalaman dalam bidang Pengajian Islam di Kolej Yayasan pelajaran Johor, yang menyampaikan kupasan berkaitan peranan pendidik dalam membentuk generasi beretika dan berintegriti.

Objektif Program

- Memberi kesedaran kepada para pendidik dan pensyarah mengenai kepentingan integriti dalam profesion pendidikan.
- Memantapkan kefahaman terhadap nilai-nilai murni seperti amanah, adil, ikhlas dan tanggungjawab dalam konteks akademik.
- Memupuk budaya kerja yang telus, cekap dan beretika dalam kalangan warga pendidik di bawah Kumpulan Pendidikan YPJ.

Perjalanan Program



Program telah dijalankan pada 6 Mei 2025, Khamis di Dewan Kuliah 4, Kolej Yayasan Pelajaran Johor dengan kehadiran 89 peserta. Manakala, di Kolej Kemahiran Johor telah diadakan di Dewan Besar, Jalan Ahad, Kampung Ungku Mohsin pada 8 Ogos 2025 dengan kehadiran 30 tenaga pengajar. Program berjalan lancar dan menerima maklumbalas yang baik daripada peserta melalui ceramah yang disampaikan dan sesi soal-jawab pada akhir ceramah.

Intipati Kuliah

Dalam kuliahnya, Ustaz Abdul Halim menyentuh beberapa poin utama:

- **Integriti sebagai teras keikhlasan dalam mendidik**
 - Pendidik bukan sekadar penyampai ilmu, tetapi contoh akhlak.
- **Cabaran etika dalam dunia pendidikan moden**
 - Penipuan akademik, budaya kerja sambil lewa, dan penyalahgunaan kuasa.
- **Pendidikan sebagai amanah Ilahi**
 - Menekankan peranan pendidik sebagai *murabbi* dalam konteks Islam.
- **Strategi membina budaya integriti di tempat kerja**
 - Konsisten dalam tindakan, telus dalam komunikasi dan adil dalam penilaian pelajar.



Kehadiran & Maklum Balas Peserta

- **Jumlah Kehadiran :**
 - 89 orang pensyarah dan kakitangan akademik dari Kolej Yayasan Pelajaran Johor.
- **Borang Penilaian Program :**
 - ◇ **89%** peserta menyatakan program ini bermanfaat dan relevan.
 - ◇ **90%** bersetuju bahawa ceramah yang disampaikan memberi kefahaman berkenaan etika pendidik dan kesalahan-kesalahan (rasuah) yang berpotensi berlaku dalam kalangan pendidik sama ada secara sedar atau tidak.
 - ◇ **90%** bersetuju bahawa pengisian kuliah membantu dalam memperkukuh nilai profesionalisme.
 - ◇ **Cadangan :** Adakan bengkel susulan atau latihan yang berterusan pada masa hadapan di luar Kolej

Gambar – Gambar Program

a. Kuliah Integriti Siri 1 / 2025 di KYPJ



Gambar-Gambar Program

b. Kuliah Integriti Siri 2 / 2025 di KKJ



Penutup

Program ini berjaya mencapai matlamat dalam membina kesedaran dan kefahaman tentang integriti dalam kalangan warga pendidik. Pihak penganjur merancang untuk memperluaskan program seumpama ini kepada kolej-kolej lain di bawah naungan KPYPJ serta mengadakan pelan latihan jangka panjang melibatkan integriti, etika kerja, dan tadbir urus semua peringkat warga kerja.



Disediakan oleh : **Unit Integriti**

Kumpulan Pendidikan YPJ



INTEGRITI DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Dalam era digital hari ini, media sosial menjadi sebahagian daripada gaya hidup dan komunikasi warga kerja. Namun begitu, penggunaan yang tidak beretika boleh memberi kesan negatif kepada reputasi individu dan organisasi. Integriti dalam penggunaan media sosial bermaksud kita bertanggungjawab terhadap setiap perkongsian, ulasan dan interaksi yang dilakukan sama ada semasa waktu kerja atau di luar waktu rasmi.

Antara perkara yang perlu dijaga ialah kita perlu mengelakkan berkongsi maklumat sulit organisasi. Data dalaman, dokumen rasmi atau perkara berkaitan kewangan dan staf adalah terhad kepada pengguna yang sah.

Penyebaran berita palsu atau berunsur fitnah lebih senang berlaku melalui media

sosial. Sehubungan dengan itu, kita perlu menyemak fakta terlebih dahulu sebelum berkongsi. Jangan jadi ejen penyebar maklumat yang tidak sahih.

Untuk berkongsi maklumat melalui media sosial, kita perlu sentiasa menjaga adab dan profesionalisme dalam komen & hantaran. Bahasa kesat, provokatif atau menghina mana-mana pihak termasuk organisasi sendiri perlu dielakkan. Kadang-kadang seseorang pekerja alpa dan secara sengaja atau tidak sengaja telah menyalah guna media sosial untuk kepentingan peribadi dalam waktu kerja.

Media sosial perlu digunakan secara berhemah dan tidak menjejaskan produktiviti. Paling utama, kita hendaklah menghormati dasar media sosial dengan merujuk garis panduan rasmi yang ditetapkan majikan.

Kesimpulan

Integriti tidak terhenti di pejabat namun ianya merangkumi juga jejak digital kita. Gunakan media sosial dengan bijak, kerana setiap tindakan mencerminkan nilai diri dan organisasi.

Oleh: **Norle binti Hj Mohamed Kamsan**

(CeLO)

Unit Integriti & Audit Kumpulan Pendidikan YPJ,



Gurindam **PEMIMPIN**

Andai yang memimpin berintegriti,
budaya kerja pasti berkualiti.

Andai pemimpin akur peraturan,
ugas dilaksanakan penuh kejujuran.

Andai pemimpin tersalah tingkah,
yang dipimpin kelak tersalah langkah.

Andai pemimpin buta prosedur,
sebuah organisasi akan hancur lebur.

Andai pemimpin pecah amanah,
seluruh organisasi akan difitnah.

Andai pemimpin menjunjung keadilan,
tidaklah kita bertemu dipengadilan.

Andai pemimpin menjunjung peradaban,
semua bekerja penuh penghayatan.

Andai pemimpin kurang beremosi,
akan tercapai hasrat Malaysia Madani.

Nukilan:

Norhaida binti Ahmad

Pensyarah, Kolej Yayasan Pelajaran Johor

Hati INTEGRITI

Integriti adalah satu kata yang agung,
Prinsip yang bukan hanya dilihat, tetapi juga didengar.
Dalam tindakan yang tegas dan fikiran yang tulus,
Dalam setiap wajah, kita lihat di cermin hidup.

Integriti, ikrar yang diam,
Tertanam kukuh seperti benih yang zaman tak jamah.
Dalam bisikan lembut atau tindakan yang tegas,
Ia menenun kain emas yang indah dan jelas.

Ia berdiri teguh di tengah badai,
Dalam panas yang terik atau dalam bayang-bayang malam.
Ia adalah benang yang menenun kita erat,
Dalam jubah kejujuran, terang dan suci.

Ketika pilihan goyah, dan jalan bercabang,
Integriti berbisik, dorongan yang mantap.
Ia adalah kekuatan untuk bertindak dengan hati dan minda,
Dalam kebenaran dan kebaikan, saling berjalin.

Kerana di dunia ini di mana nilai berubah,
Integriti menerangi jalan yang benar.
Bukan hanya satu kata, tetapi talian hidup yang sejati,
Satu suar kehormatan, dalam semua yang kita lakukan.

Integriti dalam setiap langkah kita,
Satu prinsip yang tak ternilai.
Ia adalah cermin jiwa yang jujur,
Dalam semua perkara, dalam semua waktu.

Di setiap simpang, di setiap pilihan,
Integriti berdiri tanpa gentar.
Tidak terpengaruh oleh pengaruh palsu,
a memimpin dengan cahaya benar.

Ia adalah kompas dalam laut hidup,
Menuntun kita ke pelabuhan aman.
Dalam badai tipu daya dan godaan,
Integriti adalah bintang yang terang.

Dalam setiap kata, dalam setiap tindakan,
Integriti berbicara dengan jelas.
Ia adalah janji yang tidak patah,
Prinsip yang tidak pernah surut.

Di saat dunia menjadi kelim,
Dan keraguan timbul, kepercayaan mungkin pudar,
Kita menemui kekuatan dalam tindakan jujur,

Dalam perbuatan yang mudah, benih cinta sejati ditanam.
Kerana integriti bukan sekadar kata,
Ia ada dalam keheningan, ia dalam hati mendalam terasa.
Ia berdiri teguh ketika angin kencang menderu,
Hati yang tabah, janji yang suci dan padu.

Nukilan:

Hanom binti Rahmat

Kolej Kemahiran Johor, Muar

Integriti: **JANJI PADA DIRI**

Integriti itu cerminan jiwa,
Bersih, suci tanpa noda,
Apa yang dijanji, pasti dikota,
Tanpa muslihat, tanpa dusta.

Integriti itu janji yang dipegang,
Bukan hanya di bibir, jiwa kekal berjuang,
Ia berdiri di atas nilai terang,
Tak goyah tipudaya, tetap keadilan dijulang.

Amanah dipikul dengan ikhlas hati,
Rasuah dan penyelewengan, jauhkan diri,
Setiap janji akan aku tepati,
Kerana maruah tak ternilai ganti.

Aku berjanji di hadapan diri,
Untuk jujur dalam setiap langkah dan peri,
Tidak akan berpaling dari jalan benar,
Walau dugaan datang menyamar.

Mari semua kita berjanji dalam hati,
Untuk sentiasa kekal berintegriti,
Supaya bangsa kita kekal dihormati,
Di mata dunia, teguh berdiri.

Nukilan:


Mariani binti Omar

Ketua Unit Kredit, Kumpulan Pendidikan YPJ

Tahniah

— KEPADA —

PEMENANG PERTANDINGAN INTEGRITI



A Kategori POSTER / KAPSUL INTEGRITI



1
Ali Zulkarnain bin
Abd Karim



KPYPJ MANAGEMENT SERVICES
SDN BHD (KPMS),
BAHAGIAN PERCETAKAN



2
Rozita binti Sulaiman



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
(KYPJ)



3
Farrah Khairiyah
binti Md. Azam



KPYPJ MANAGEMENT SERVICES
SDN BHD (KPMS),
TADIKA HIKMAH YPJ KOTA TINGGI

B Kategori PENULISAN CERPEN / PUISI / SAJAK / GURINDAM



1
Norhaida bin Ahmad



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR



2
Hanom bin Rahmat



KOLEJ KEMAHIRAN JOHOR (KKJ),
CAWANGAN MUAR



3
Mariani bin Omar



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR

C Kategori VIDEO KREATIF INTEGRITI



TEAM KPMS

Ahli:
Shahrim bin Adon
Mariani binti Omar
Ali Zulkarnain bin Abd Karim
Fahin binti Rosli
Md Ali bin Hassan
Nor Rizam Shah bin Zainal



TEAM MULTIMEDIA KYPJ

Ahli:
Md Aimaduddin bin Md Nazri
Mohd Iman Mohd Salleh



TEAM HEP KYPJ

Ahli:
Azura binti Zahari
Syam Irzura binti M. Nazri

"Tahniah kepada semua pemenang atas **kreativiti**, **komitmen** dan **usaha cemerlang** dalam menjayakan Pertandingan Integriti tahun ini.

SALURKAN MAKLUMAT ADUAN ANDA

kepada

Unit Integriti KPYPJ

aduankpypj@gmail.com



PENGHARGAAN

Unit Integriti merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang karya serta semua pihak yang telah bersama-sama menayakan penerbitan buletin kali ini.

Terima Kasih



UNIT INTEGRITI KPYPJ

Aras 2, Blok B, KM 16, Jalan Kulai-Kota Tinggi,
81900 Kota Tinggi, Johor Darul Ta'zim.

+607-888 0374 aduan kypj@gmail.com

www.kypj.edu.my

